

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI  
MASLAN [PONTIAN]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan jumlah secara terperinci aset negara yang telah dijual kepada kepentingan asing dalam bentuk peratusan dan ringgit sama ada oleh Khazanah, PNB, KWSP, Petronas, Sime Darby, LTAT, TH, FELDA atau entiti yang lain mulai 10 Mei 2018 hingga hari ini. Berapa pula aset yang dibeli oleh entiti tersebut dalam tempoh ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) akan menumpukan kepada institusi yang berada di bawah bidang tanggung jawab kementerian ini iaitu Khazanah Nasional Berhad, PETRONAS dan FELDA.
2. Bagi tempoh Mei 2018 hingga sekarang, aset yang telah dijual kepada kepentingan asing oleh Khazanah hanya melibatkan dua pelupusan sahaja iaitu 16% pegangan dalam IHH Healthcare Berhad (IHH) bernilai RM8.42 bilion dan sebahagian daripada pembangunan bersepadu Duo di Singapura melalui pegangan dalam M+S Pte Ltd bernilai 1.575 bilion dolar Singapura.

**NO. SOALAN : 10**

3. Pelupusan-pelupusan ini telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri semasa Penggulungan Peringkat Dasar untuk Belanjawan 2020. Tiada pelupusan kepada pihak asing yang dilaksanakan oleh PETRONAS dan FELDA dalam tempoh berkenaan.

4. Antara Mei 2018 hingga Jun 2019, Khazanah telah melaksanakan 6 pelaburan baharu dalam pelbagai sektor termasuk dalam pasaran awam di India dan China. Jumlah keseluruhan pelaburan ini adalah sebanyak RM6.4 bilion. Pelaburan tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Tarikh	Syarikat	Nilai (RM)
i.	Mei – Disember 2018	Ant Financial Co.	2,552 juta
ii.		IHH Healthcare	1,442 juta
iii.		Prince Court Medical Center	1,087 juta
iv.		CIMB Group	635 juta
v.	Januari – Jun 2019	Pasaran Awam – China	553 juta
vi.		Pasaran Awam - India	84 juta

5. Bagi PETRONAS pula, pada April tahun ini, PETRONAS telah melaksanakan pembelian saham dalam sebuah syarikat berpengkalan di Singapura, Amplus Energy Solutions Pte. Ltd., sebagai satu langkah strategik PETRONAS untuk mengembangkan perniagaan serta memasuki pasaran industri hiliran *Renewable Energy* (RE), dengan izin.

Sekian, terima kasih.